

**Shafie Apdal Tidak Kisah Nombor Berapa Asalkan Naib Presiden
Bernama
10 Sept, 2013**

SEREMBAN, 10 Sept (Bernama) -- Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Datuk Seri Shafie Apdal berkata beliau tidak kisah dipilih nombor berapa pun asalkan naib presiden.

"Saya tidak kisah sangat nombor ini, satu ke, dua ke, tiga ke, tetapi yang penting bagi saya asalkan 'sangkut' sahaja. Nombor tiga pun, nombor tigalah, jika itu landasan yang membolehkan saya terus memberi sumbangan untuk Umno," katanya.

Beliau berucap pada majlis Jalinan Kasih Pemimpin Bersama Rakyat anjuran Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) di sini, Selasa.

Turut hadir Menteri Besar Negeri Sembilan Datuk Seri Mohamad Hasan.

Shafie yang juga Ketua Umno Bahagian Semporna akan mempertahankan jawatan Naib Presiden Umno yang dimenangnya pada pemilihan parti itu pada Mac 2009.

Dalam pemilihan itu, Shafie meraih 1,445 undi bersama dua lagi naib presiden - Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi yang memperoleh 1,592 undi dan Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein 1,515 undi.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=976699>